

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## BIMB KOMITED PENUHI KEPERLUAN KEWANGAN AHLI PROFESIONAL

**KUALA LUMPUR, Khamis, [17 Februari 2022]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("BIMB") hari ini memeterai memorandum persefahaman ("MoU") dan kolaborasi strategik bersama tiga pertubuhan profesional negara bagi menyediakan penyelesaian perbankan patuh Syariah yang lengkap kepada ahli-ahli pertubuhan berkenaan.

Pertubuhan professional terlibat dalam usaha sama ini adalah Pertubuhan Akitek Malaysia ("PAM"), Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia ("MSOSH"), dan Institut Akauntan Malaysia ("MIA"). Secara kumulatifnya, kini terdapat seramai 44,500 ahli yang berdaftar di bawah pertubuhan-pertubuhan tersebut.

Menerusi kerjasama ini, BIMB akan menawarkan penyelesaian kewangan menyeluruh yang memenuhi segenap keperluan ahli pertubuhan terbabit. Ia merangkumi kemudahan Pembiayaan Peribadi-i BIMB yang melibatkan amaun maksimum RM300,000 untuk tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun pada kadar kompetitif, produk deposit serta pengurusan kekayaan dan tunai.

Selain itu, BIMB juga menawarkan produk-produk perbankan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS") bagi mempermudahkan ahli-ahli pertubuhan terbabit membuka perniagaan persendirian yang berkaitan seperti syarikat perkhidmatan perakaunan dan perundingan serta syarikat berkaitan pembinaan.

Penawaran khusus oleh BIMB ini secara tidak langsung akan menyumbang kepada peningkatan bilangan ahli berdaftar, selain membolehkan persatuan terlibat mempertingkatkan lagi kelebihan dan keistimewaan keahlian.

Menandatangi bagi pihak BIMB ialah Mizan Masram, Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan - Runcit sambil disaksikan oleh Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BIMB. Sementara penandatangan dan saksi bagi ketiga-tiga persatuan tersebut adalah:

Persatuan	Penandatangan	Saksi
1. Pertubuhan Akitek Malaysia ("PAM")	Datuk Ar. Ezumi Harzani Ismail, Presiden	Ar. Thirilogachandran a/l Shanmugasundram, Setiausaha Kehormat

2. Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia ("MSOSH")	Encik Zainuddin Kisman, Naib Presiden	Encik Daman Huri bin Mohammad @ Mohammad Khairuddin, Setiausaha Kehormat
3. Institut Akauntan Malaysia ("MIA")	Puan Siti Rohana Hj Mohamed Amin, Pengarah Eksekutif, Keahlian	

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BIMB, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "BIMB percaya bahawa semua pihak memainkan peranan penting dalam menyokong pemulihan negara yang mampan, sekali gus merapatkan jurang ekonomi yang terhasil akibat pandemik yang melanda. COVID-19 telah mengajar kita bahawa sistem sokongan yang betul adalah kunci kejayaan dalam menangani sebarang cabaran. Oleh itu, kami amat berbesar hati dengan pemeteraian MoU dan jalinan kerjasama strategik hari ini yang dapat meningkatkan usaha sama semua pihak terlibat dan seterusnya berupaya memberi manfaat lebih besar kepada industri profesional dan ahli-ahlinya."

Pemeteraian MoU dan kerjasama strategik kali ini adalah lanjutan usaha BIMB dalam memperkuatkan lagi perniagaannya dengan menawarkan produk dan perkhidmatan yang mengkhusus kepada segmen tertentu, sekali gus menyumbang kepada pengukuhan daya tahan industri serta ekonomi negara dalam mendepani landskap semasa yang mencabar.

Pada September 2020, BIMB telah menandatangani MoU dengan beberapa pertubuhan profesional dalam sektor kesihatan. Usaha sama tersebut melibatkan Persatuan Perubatan Malaysia ("MMA"), Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia ("PAPISMA"), Persatuan Farmasi Malaysia ("MPS"), Persatuan Optomerist Malaysia ("AMO"), Persatuan Pengamal Pergigian Swasta Malaysia ("MPDPA") dan Persatuan Veterinari Malaysia ("VAM").

Hasil daripada MoU tersebut, BIMB telah mencatat sejumlah 8,873 pelanggan profesional kesihatan dengan amaun pembiayaan peribadi terkumpul bernilai kira-kira RM796 juta setakat Disember 2021.

"Menerusi kerjasama dengan tiga pertubuhan profesional baharu ini, BIMB menyasarkan pertumbuhan jumlah pembiayaan peribadi sebanyak 7 peratus dalam tempoh 12 bulan akan datang," ujar Mohd Muazzam.

Beliau menambah, BIMB akan terus menyediakan pelbagai penyelesaian kewangan patuh Syariah di pasaran, pada masa yang sama turut meneroka potensi meningkatkan

kerjasama dengan rakan-rakan serta penggiat industri demi memastikan keperluan mereka terus dipenuhi.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)**

BIMB adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, BIMB mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, BIMB menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan BIMB adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan BIMB, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan BIMB di 03-26 900 900.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

<b>Rohazida Mohamed</b> Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 012-231 8602 Emel: <a href="mailto:rohazidam@bankislam.com.my">rohazidam@bankislam.com.my</a>	<b>Omar Atin</b> Pengurus Kanan Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 019-391 9144 Emel: <a href="mailto:omar@bankislam.com.my">omar@bankislam.com.my</a>
---	---